

06 OCT 2000
PROTON-MAHATHIR
DR MAHATHIR DEDAH ENJIN PROTOTAIP PROTON

Oleh: Ridzuan Zulkifli

LONDON, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan secara rasmi projek enjin prototaip Proton yang dipanggil S-ENG (Enjin Kecil), di kemudahan Lotus Engineering di Hethel, dekat Norwich, kira-kira 190 km dari sini.

Pengumuman terbuka S-ENG itu dibuat oleh beliau ketika melawat kilang kejuruteraan pengeluaran kereta sport itu di mana beliau turut membuka studio rekabentuk baru Lotus sebelum merasmikan S-ENG.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dan Ketua Pegawai Eksekutif Lotus Datuk Chris Knight, serta kakitangan pengurusan kanan dari kedua-dua syarikat.

S-ENG adalah percubaan Proton untuk mengeluarkan enjin kecil dengan kos berdaya saing bagi kereta-kereta berkuasa 1.3 hingga 1.6 liter, seterusnya membolehkannya mengeluarkan enjin 100 peratus buatan Malaysia.

Pengurus Besar Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan Pembangunan Platform Baru Proton Kamarulzaman Darus berkata hari ini bahawa S-ENG juga membolehkan Proton memiliki hak harta intelektualnya (IPR) sendiri.

"Proton telah mencipta kejayaan yang jauh sejak pelancarannya pada 1985. Kami telah lakukan kesemuanya, satu-satunya perkara yang tiada adalah enjin 100 peratus buatan kami," katanya.

Kamarulzaman mendedahkan bahawa RM450 juta telah dilaburkan oleh Proton bagi projek S-ENG sejak ia dimulakan pada April 1999.

Jadual induk keseluruhan S-ENG setakat ini telah melalui dua fasa. Yang pertama meliputi April hingga Jun 1999 di mana konsep dimajukan dan disiapkan sementara yang kedua adalah dari suku keempat 1999 hingga kepada suku ketiga 2000 yang melibatkan pengujian prototaip.

Kamarulzaman juga berkata S-ENG akan membolehkan penjimatan kos 25 peratus bagi Proton dari segi tukaran asing.

Beliau menambah bahawa S-ENG dijangka dipasang dalam kereta-kereta Proton dari 2002, seterusnya membolehkan pengeluaran kereta nasional itu menghadapi saingan sengit apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) berkuatkuasa pada 2005.

S-ENG dimajukan di kilang kejuruteraan Lotus di Hethel di mana 25 jurutera sepenuh masa daripada Proton dan Lotus telah dipinjamkan untuk projek itu.

Lotus Engineering adalah sebahagian daripada Lotus Group International Ltd, syarikat kejuruteraan automotif ternama Britain dan pengeluaran kereta sport mewah.

Proton menguasai 80 peratus ekuiti dalam kumpulan itu pada Okt 1996, menandakan era baru dalam industri automotif Malaysia dan membuka jalan bagi keupayaan pembuatan besar-besaran dengan kepakaran kejuruteraan bertaraf dunia. -- BERNAMA

RBZ SHY JR OS